

KOORDINASI MENYANYI SAMBIL BERMAIN KOMPANG KANAK-KANAK MENGGUNAKAN PENDEKATAN EURITMIK

COORDINATION OF SINGING AND PLAYING KOMPANG AMONG CHILDREN USING EURHYTHMICS APPROACH

Md Jais Ismail¹
Loo Fung Chiat²
Mohd Sham Kamis³

¹Pusat GENIUS@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia,
(E-mail: md_jais@ukm.edu.my)

²Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Malaysia,
(Email: fungchiat@hotmail.com)

³Pusat GENIUS@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia,
(E-mail: mohdsham856@gmail.com)

Accepted date: 9-11-2019

Published date: 15-1-2020

To cite this document: Md Jais I., Loo F.C. & Mohd Sham K. (2019). Koordinasi Menyanyi Sambil Bermain Kompang Kanak-Kanak Menggunakan Pendekatan Euritmik. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial*, (5), 19 - 31.

Abstrak: Kajian lepas membuktikan pendekatan euritmik dapat memberi kefahaman kepada kanak-kanak untuk menguasai kemahiran muzik. Kemahiran menyanyi sambil bermain kompang dikenalpasti mempunyai kepentingan bukan sahaja untuk meningkatkan koordinasi kanak-kanak malah meningkatkan mutu persembahan. Namun demikian, didapati kemahiran ini sukar dilakukan dengan kaedah pengajaran sedia ada dalam kalangan guru-guru sekolah rendah. Ini bukan sahaja menjejaskan kualiti persembahan malah memerlukan masa latihan yang lama walaupun kanak-kanak sudah mempunyai kebolehan dalam menyanyi atau bermain alat muzik. Reka bentuk kuasi-eksperimental telah digunakan bagi mengumpul data daripada dua kumpulan kanak-kanak iaitu 35 orang kumpulan rawatan dan 35 orang kumpulan kawalan yang berumur sembilan tahun di Putrajaya. Data ujian pra dan ujian pasca terdiri daripada analisis nilai min, sisihan piawai, peratus, dan Ujian T. Instrumen yang digunakan untuk mengumpul data adalah melalui Ujian Amali Muzik. Dapatan kajian daripada kumpulan kawalan dan rawatan menunjukkan intervensi kajian memberi kesan yang signifikan terhadap pencapaian kanak-kanak mengkoordinasikan kemahiran nyanyian dengan permainan kompang. Beberapa cadangan telah dikemukakan kepada guru-guru dan pihak kementerian pendidikan seperti menggalakkan lebih banyak aktiviti euritmik di sekolah-sekolah rendah, memberikan pendedahan dan latihan tentang aktiviti euritmik kepada guru-guru dengan lebih terperinci, dan mengaplikasikan pendekatan euritmik dengan menggunakan lagu-lagu dan alat-alat muzik tradisional Melayu.

Kata kunci: Euritmik; Kanak-Kanak; Koordinasi; Menyanyi; Kompang

Abstract: Previous studies have shown that eurhythmics approach can help children to master music skills. Singing skill while playing *kompang* is identified not only to improve student coordination but to improve the quality of the performances as well. However, it is difficult to find this skill with existing teaching methods among primary school teachers. This not only affects the quality of the music show but also requires a long training time even though the students already have the ability to sing or play musical instruments. Therefore, a quasi-experimental design was used to collect data from two groups of students; 35 experiment group and 35 control group of nine years old pupils in Putrajaya. Pre-test and post test data comprise mean value analysis, standard deviation, percentages, and T-tests. Instruments used to collect data are through Music Practical Tests. The findings from the control and treatment groups show that research interventions have a significant impact on the achievement of pupils coordinating singing skills while playing *kompang*. Some suggestions have been made to teachers and educational ministries such as promoting more eurhythmics activities in primary schools, providing exposure and training on eurhythmic activities to teachers in more detail, and applying eurhythmics approaches using songs and Malay traditional music instruments.

Keywords: Eurhythmics; Pupils; Coordination; Sing; *Kompang*

Pengenalan

Para pengkaji dan ahli-ahli muzik telah menyatakan bahawa untuk menyanyi dan bermain alat muzik dengan serentak merupakan satu kemahiran yang sukar dilakukan. Pilc (2012) menjelaskan bahawa bermain alat muzik sambil menyanyi merupakan suatu kemahiran yang dapat meningkatkan sensitiviti seseorang terhadap elemen-elemen muzik seperti melodi dan irama hasil daripada penggunaan anggota badan dan minda. Seseorang itu boleh bermain piano atau gitar sambil menyanyi, namun, aktiviti yang paling asas ialah bermain perkusi sambil menyanyi. Milan (2015) menyatakan kemahiran menyanyi sambil bermain alat muzik merupakan suatu kemahiran yang mempunyai taraf tinggi. Ia bukan sahaja dapat memantapkan nyanyian malah kemahiran ini memudahkan seseorang mencipta lagu serta melakukan improvisasi.

Berdasarkan pengamatan dan pemerhatian penyelidik di sebuah sekolah rendah kawasan bandar mendapati kebanyakan kanak-kanak menghadapi masalah dalam kemahiran koordinasi muzik. Didapati kebanyakan daripada mereka amat sukar untuk mengkoordinasikan kemahiran menyanyi dan bermain alat muzik. Semasa proses pengajaran di dalam kelas, kanak-kanak telah diajar aspek nyanyian dan permainan alat muzik secara berasingan. Walaupun dapat menyanyi dan bermain alat perkusi dengan betul, namun mereka tidak dapat mengkoordinasikan kedua-dua kemahiran tersebut dengan baik.

Didapati kanak-kanak sangat sukar menggabungkan kedua-dua kemahiran tersebut walaupun telah diajar beberapa kali. Ada kanak-kanak yang dapat menyanyi dengan betul tetapi permainan alat perkusi tidak mengikut corak irama yang ditetapkan. Dan ada pula yang tidak dapat menyanyi lagu dengan pic dan tempo yang betul. Mereka didapati agak kekok melakukan kedua-dua kemahiran tersebut secara serentak. Seringkali terdengar rungutan dan keluhan kanak-kanak kerana tidak boleh menyanyi sambil bermain alat secara serentak.

Berdasarkan penelitian pengkaji mendapati intervensi Euritmik mempunyai kaitan untuk digunakan dalam konteks kajian ini iaitu meningkatkan kemahiran koordinasi menyanyi dan

memainkan alat muzik. Walaupun tidak dinyatakan secara jelas, namun terdapat teori dan kajian yang ada menyentuh perkaitan antara pendekatan euritmik dengan kemahiran muzik terutamanya permainan alat muzik dan nyanyian (Daley, 2013; Manifold, 2008; Mead, 1994). Hal ini secara langsung memenuhi jurang untuk melengkapkan kajian-kajian Dalcroze terdahulu yang belum menerokai bidang koordinasi sambil menyanyi bermain alat perkusi kompang seperti yang telah dibuktikan dalam kajian Juntunen (2016), Juntunen (2002), Bachman (1993), Crumpler (1982), dan Dutoit (1971). Selain itu, kajian koordinasi muzikal ini mengisi jurang (*gap*) bagi kajian dan artikel yang membincangkan betapa pentingnya kemahiran koordinasi menyanyi sambil bermain alat muzik digunakan dalam persembahan (Sutton, 2017; Cooper, 2016; Murimi, 2016; Welsh, 2015). Manfaat yang akan diperolehi amat penting buat kanak-kanak sekiranya dapat mengkoordinasikan nyanyian dengan permainan alat muzik. Di samping itu, konsep permainan kompang sebagai alat perkusi tradisional melayu juga dikaji dengan teliti dan mendapati bahawa wujud keserasian antara pendekatan yang digunakan dengan kemahiran kompang. Permainan kompang yang sering menggabungkan nyanyian dalam persembahan tradisi Malaysia seperti penjelasan Matusky dan Tan (2017) serta Ramadona, Minawati dan Nursyirwan (2017) menjadi salah satu faktor kesesuaian alat perkusi kompang digunakan dalam kajian ini. Penggunaan kompang sebagai alat tradisi yang dipacu oleh pendekatan muzik Barat iaitu Euritmik Dalcroze menjadi satu keunikan dalam kajian ini.

Objektif

Terdapat tiga objektif khusus untuk kajian ini iaitu:

- I. Mengenal pasti perbezaan tahap pencapaian kemahiran koordinasi menyanyi dan bermain kompang dalam kalangan kanak-kanak sebelum intervensi dijalankan.
- II. Menentukan pendekatan pengajaran yang lebih berkesan untuk meningkatkan koordinasi menyanyi sambil bermain kompang dalam kalangan kanak-kanak.
- III. Mengkaji perbezaan pencapaian kanak-kanak melakukan kemahiran koordinasi menyanyi sambil bermain kompang menggunakan pendekatan Euritmik dan konvensional.

Hipotesis

Hipotesis kajian dibina berdasarkan objektif yang telah dibangunkan iaitu:


- Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor pencapaian ujian pra koordinasi menyanyi sambil bermain kompang antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.
- Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor pencapaian ujian pra dan ujian pasca koordinasi menyanyi sambil bermain kompang dalam kumpulan kawalan.
- Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor pencapaian ujian pra dan ujian pasca koordinasi menyanyi sambil bermain kompang dalam kumpulan rawatan.
- Ho4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor pencapaian ujian pasca antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

Kerangka Teoretikal

Kajian ini menggunakan pendekatan Euritmik Dalcroze yang pada dasarnya terbentuk daripada tiga komponen iaitu pergerakan berirama (*rhythmic*), solfa dan improvisasi (Amiri, 2016). Penyelidik memfokuskan komponen pergerakan berirama dalam kajian ini untuk meningkatkan kemahiran koordinasi muzik kanak-kanak. Pergerakan berirama merupakan suatu pergerakan yang melibatkan seluruh anggota badan dengan iringan muzik atau tanpa muzik dimana tubuh badan menjadi alat utama dan emosi manusia sebagai asas utama.

Melalui pergerakan badan, sesuatu idea muzik dapat diterjemahkan dan juga pergerakan badan pula ditukarkan kepada sumber muzik (Kementerian, 2010).

Selain itu, pergerakan berirama merujuk penglibatan individu secara menyeluruh yang melibatkan penyatuan minda, anggota badan dan emosi diri secara menyeluruh di mana elemen ruang, tenaga, dan masa saling dikaitkan dalam aktiviti pergerakan berirama (Juntunen, 2016). Melalui pergerakan berirama dapat melatih individu untuk mendengar, merasai, berimajinasi, menginterpretasi bunyi, memberikan tindak balas, respon atau bergerak untuk membayangkan maksud muzik secara luaran. Menurut Wang (2008), keseluruhan proses pembelajaran melibatkan pendengaran, pemahaman, improvisasi dan interpretasi fizikal. Michael dan Madura (2013) juga bersetuju bahawa melalui aktiviti pergerakan berirama dapat meningkatkan kemahiran imajinasi, ekspresi kreatif, koordinasi muzikal, konsentrasi (fokus) dan memperkaya aspek pendengaran. Kemahiran baru yang diuji di bawah teori ini ialah menyanyi sambil bermain alat perkusi kompang yang diletakkan di bawah tema pergerakan berirama dan koordinasi. Berdasarkan hujah ini, maka satu kerangka teoretikal dibina untuk menjelaskan teori yang dijadikan sandaran dalam kajian ini seperti Rajah 1.



Rajah 1: Kerangka Teoretikal

(Sumber: Adaptasi dan pengubahsuaian Juntunen, 2016; Michael & Madura, 2013)

Koordinasi Menyanyi dan Bermain Kompang

Aktiviti menyanyi sambil bermain alat muzik boleh menjadikan penyanyi itu menyanyi dengan tempo yang betul dan melahirkan perasaan yang semulajadi terhadap melodi lagu. Ia juga menjadi seseorang itu lebih berharga daripada orang yang hanya dapat melakukan satu kemahiran muzik pada sesuatu masa (Roth, 2016). Murimi (2016) pula menjelaskan bahawa dengan menyanyi dan bermain alat muzik secara serentak dapat meningkat fokus dan kemahiran koordinasi seseorang dengan lebih cepat berbanding orang lain. Agnes (2006) menggambarkan koordinasi antara menyanyi dengan bermain alat muzik sebagai ‘rhythmic

speech'. Alat perkusi dijadikan iringan ketika menyanyi untuk menghasilkan perasaan melalui aplikasi unsur tekanan dan meter di peringkat sekolah rendah.

Kemahiran menyanyi sambil bermain alat perkusi tradisional sudah lama diamalkan di negara kita oleh masyarakat terdahulu. Kemahiran ini bukan sahaja menggabungkan nyanyian dengan alat perkusi kompang, malah terdapat alat perkusi lain yang turut dimainkan sebagai hiburan atau tujuan tertentu. Kebanyakan persembahan muzik masyarakat melayu menggunakan kemahiran menyanyi sambil bermain alat perkusi apabila mengalunkan ayat-ayat suci memuji Allah dan selawat ke atas nabi seperti yang terdapat dalam muzik Zikir Rebana di Negeri Sembilan, Rebana Kercing dan Dikir Laba di Kelantan, Rodat di Terengganu, dan Hadrah di Perlis (Matusky & Beng, 2017).

Kompang sering kali dikaitkan dengan permainan sambil menyanyi. Kajian Martha, Syeilendra dan Marzam (2013) mendapati permainan kompang dimainkan secara berdiri dalam bentuk formasi diiringi vokal lagu-lagu berunsur keislaman. Lagu-lagu yang dinyanyikan diambil dari kitab Nadzom (Al-Barzanji) ataupun syair yang direka sesuai dalam majlis-majlis perkahwinan dan pesta. Persembahan kompang dikatakan lebih enak didengar jika ada iringan nyanyian. Ramadona, Minawati dan Nursyirwan (2017) juga menjelaskan perkara yang sama dalam kajian mereka. Mereka menjelaskan bahawa kompang tradisi menampilkan persembahan kompang yang disertai dengan nyanyian yang memuji kebesaran Allah dan selawat ke atas nabi. Dalam kalangan masyarakat Melayu, menyanyi sambil bermain kompang dipersembahkan dalam dua versi iaitu Bahasa Arab dan Bahasa Melayu mengikut kitab zanji. Kompang juga ada dimainkan dalam kalangan masyarakat Bajau di Sabah (Pravina et.al, 2009).

Corak irama kompang biasanya dimainkan dengan iringan nyanyian (Matusky & Beng, 2017). Pada peringkat awal, lirik lagu dinyanyikan dalam Bahasa Arab yang diambil dari kitab zanji. Akibat peredaran zaman, lirik diubah ke Bahasa Melayu yang membuatkan lagu-lagu kompang lebih mudah difahami. Akhirnya, persembahan kompang berkembang menyebabkan lagu-lagu kompang dinyanyikan bertemakan isu-isu semasa, atau mengikut tema majlis.

Pada zaman sekarang, kompang masih dimainkan sambil menyanyi. Masyarakat masih mengamalkan teknik bermain kompang sambil menyanyi yang dipersembahkan dalam majlis-majlis perkahwinan (Rejab, 2002). Masyarakat Melayu menggambarkan kompang sebagai muzik tradisional yang merupakan satu paduan alat muzik perkusi gendang bermuka satu yang diiringi vokal. Muzik kompang dikatakan terdiri daripada permainan corak irama yang membentuk repertoire lagu manakala vokal terdiri daripada perkataan-perkataan teks yang dilagukan. Permainan corak irama kompang yang mengiringi pergerakan melodi dikatakan memiliki kesepaduan dan kesinambungan konsep permainan kompang (Ruseli & Minawati, 2017).

Pendekatan Euritmik

Euritmik dipetik dari bahasa Yunani dari kata dasar *eu* dan *rhythmos* yang membawa maksud Inggeris '*good flow*' atau '*good movement*' (Mead, 1994). Euritmik diperkenalkan oleh Emile Jaques Dalcroze untuk memberi pemahaman konsep muzik berdasarkan pergerakan dan sensasi otot (muscular sensation). Crumpler (1982) mentaksir euritmik sebagai pergerakan berirama. Pendekatan euritmik melibatkan pengajaran konsep muzik melalui pergerakan yang membolehkan seseorang itu merasai keperluan untuk bergerak, dan merasai perasaan yang

digambarkan dalam muzik seperti berdebar-debar dan takut (Dalcroze, 1917). Pelbagai analog pergerakan digunakan untuk menggambarkan konsep muzikal, membangunkan rasa bersepadu secara semulajadi bagi mengungkap rasa muzik. Dalcroze berpendapat, cara terbaik untuk menjana asas muzik yang kukuh adalah melalui muzik yang bertenaga.

Pendekatan euritmik terdiri daripada tiga komponen yang sangat penting iaitu pergerakan berirama (*la rythmique*), solfa (*le solfège*), dan improvisasi (*l'improvisation*) (Smith, 2014; Dalcroze, 2013; Dalcroze, 1917). Walaubagaimanapun, penyelidik mendapati terdapat beberapa buku dan artikel yang menggunakan nama euritmik sebagai mewakili komponen pertama pendekatan ini. Komponen-komponen Euritmik melibatkan gerakan, postur, dan gestur untuk menggambarkan tempo, dinamik, tekanan, dan elemen-elemen muzik. Dalam pendekatan yang ideal ini, unsur-unsur dari setiap subjek disatukan untuk membentuk satu pendekatan pengajaran yang berteraskan kreativiti dan pergerakan (Dalcroze, 2013). Terdapat tiga komponen utama dalam pendekatan ini iaitu pergerakan berirama, solfa, dan improvisasi. Menurut Dutton (2015), pergerakan berirama ialah penerokaan elemen-elemen muzik melalui aktiviti gerakan. Solfa pula ialah penggunaan suara, telinga dan badan untuk mengenal pasti hubungan antara pic, harmoni dan teori muzik. Improvisasi ditafsirkan sebagai ciptaan muzik secara spontan menggunakan badan, suara dan alat muzik.

Dalcroze percaya bahawa ciri-ciri yang perlu ada pada setiap pemuzik adalah sensitif dan ekspresif terhadap muzik, dan mampu menunjukkan muzik melalui gerakan, bunyi, fikiran, perasaan dan penciptaan. Mead (1994) menggariskan empat perkara yang menjelaskan pendekatan Dalcroze. Pertama ialah euritmik meningkatkan kemahiran fizikal, aural, dan membayangkan imej muzik di dalam minda. Kedua ialah solfa, improvisasi, dan euritmik berfungsi untuk mengukuhkan kemahiran muzik secara lebih ekspresif dan meningkatkan keupayaan intelek. Ketiga ialah kemahiran muzik diperolehi daripada pengucapan, gerak badan (*gesture*), dan gerakan. Ia juga berkaitan dengan konsep masa, ruang, dan tenaga. Keempat ialah seseorang manusia dapat belajar muzik dengan lebih berkesan adalah melalui deria. Oleh itu, muzik perlu diajar melalui sentuhan, kinestetik, aural dan visual (deria penglihatan).

Metodologi

Kajian ini telah dijalankan secara kuantitatif melalui reka bentuk kuasi-eksperimental di sebuah sekolah rendah di Putrajaya. Kajian dijalankan selepas mendapat kebenaran daripada pihak sekolah. Sampel kajian melibatkan seramai 70 orang pelajar tahun tiga yang berumur sembilan tahun yang hanya belajar muzik di sekolah semasa kelas Pendidikan Muzik. Mereka terdiri daripada 39 orang pelajar lelaki dan 31 orang pelajar perempuan yang terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Terdapat dua kumpulan responden iaitu seramai 35 orang di dalam kumpulan eksperimen dan 35 orang di dalam kumpulan kawalan. Mereka tidak menghadiri kelas-kelas intensif muzik di luar waktu sekolah. Bilangan sampel kajian ini ditentukan dengan mengambil kira pernyataan Roscoe (1975) iaitu bilangan sampel yang sesuai untuk kajian eksperimental ialah seramai sekurang-kurangnya 30 orang atau lebih.

Prosedur Kajian

Pelajar yang terlibat sebagai responden diberi pendedahan belajar untuk bermain kompang menggunakan pendekatan euritmik selama 12 minggu. Pengkaji telah hadir ke sekolah tersebut dan mengajar pelajar tersebut 30 minit setiap minggu sebanyak 12 sesi. Ujian Pra dijalankan pada minggu pertama kajian. Pelajar telah dinasihatkan supaya tidak belajar dengan mereka yang mahir dalam bidang muzik terutamanya permainan kompang atau

menghadiri kelas-kelas intensif muzik sepanjang tempoh kajian. Hal ini adalah untuk mengelakkan pengaruh pemboleh ubah gangguan dalam kajian ini. Semasa proses pengajaran dan pembelajaran, lagu ‘Maju dan Sejahtera’ digunakan seperti Rajah 1.

Maju dan Sejahtera
(Lagu Wilayah Persekutuan)

Md Jais Ismail

$\text{♩} = 100$



I ni lah wi la yah bu miyang ber tu ah Ma ju mem ba ngun di ju lang me gah A man
Mem ba ra se mangat se ti ap war ga nya Cer das min da nya se ma ngat wa ja Pa da

5 sento sa di se pan jang ma sa Har mo ni se maisen ti a sa mathor ma ti pe nuh mes
wi la yah ditum pah se ti a Hor

10 ra Ber satu lah berbakti lah Se mua war gawi layah Sa yangi lah lin dungi lah

17 Se penuh ji wa ra ga Ki ta ja ga kehar mo ni an se mu a Ma ju Se jah te ra

23 Wi la yah Per se ku tu an.

Rajah 1: Skor Nyanyian Lagu ‘Maju dan Sejahtera’

Manakala bahan bantu mengajar yang digunakan ialah pemain laptop, speaker dan kompang. Kanak-kanak diajar menguasai corak irama melalui pergerakan seperti Rajah 2.



Rajah 2. Corak Irama

Kemudian, kanak-kanak menyanyi serta bermain kompang berdasarkan pengalaman pergerakan tadi. Pada minggu ke 12, pengkaji menjalankan Ujian Pasca ke atas responden. Ujian Pasca telah dijalankan secara satu persatu ke atas pelajar dalam sebuah bilik khas.

Kemahiran yang ditunjukkan pelajar tersebut juga direkodkan. Aktiviti pengajaran telah dirancang dengan menggabungkan prinsip ruang, masa dan tenaga yang terdapat dalam kategori pergerakan berirama Euritmik. Selain itu, aktiviti ini juga dirancang dengan melibatkan komponen pedagogi Dalcroze iaitu *reaction, memory, inhibition* dan *senses*.

Pengumpulan Data

Data dikumpulkan dengan menjalankan ujian amali muzik ke atas responden. Ujian ini dinilai oleh tiga orang panel yang mempunyai pengetahuan dalam bidang muzik. Oleh itu, satu skema pemarkahan disediakan bagi menilai kemahiran yang telah ditunjukkan pelajar. Skema pemarkahan ini telah dibangunkan oleh pengkaji dengan merujuk kandungan dan format di dalam kriteria pemarkahan *The Associated Board of The Royal School of Music (ABRSM)* dan Dokumen Standard Prestasi yang digunakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia termasuk sistem gred yang digunakan di sekolah seluruh Malaysia. Mengikut sistem gred yang sedang berkuat kuasa sekarang untuk sekolah rendah ialah Gred A iaitu cemerlang berada dalam julat markah 80 hingga 100, Gred B iaitu baik berada dalam julat markah 65 hingga 79, Gred C iaitu memuaskan berada dalam julat markah 50 hingga 64, Gred D iaitu mencapai tahap minimum berada dalam julat markah 40 hingga 49 dan Gred E iaitu belum mencapai tahap minimum berada dalam julat markah 0 hingga 39. Instrumen yang telah dibina ini telah disemak dan mendapat pengesahan daripada tiga orang pakar muzik.

Keputusan

Markah-markah yang diperolehi daripada ujian amali muzik yang dijalankan dianalisis menggunakan kaedah statistik. Data dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) Version 21* untuk mencari min dan sisihan piawai serta membuktikan hipotesis.

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor pencapaian ujian pra koordinasi menyanyi sambil bermain kompang antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

Berdasarkan Jadual 1, didapati skor kanak-kanak dalam kedua-kedua kumpulan kajian adalah hampir sama. Didapati skor kumpulan kawalan ($M=59.77$, $SP=9.06$) juga hampir sama dengan kumpulan rawatan ($M=58.06$, $SP=8.97$). Berdasarkan sistem gred sekolah rendah, tahap pencapaian kanak-kanak dalam ketiga-tiga ujian yang dijalankan berada pada Gred C iaitu memuaskan.

Jadual 1: Statistik Deskriptif Skor Ujian Pra

	Kumpulan	N	Min	Sisihan Piawai
Ujian Pra Koordinasi Menyanyi Sambil Bermain Kompang	Kawalan	35	59.77	9.056
	Rawatan	35	58.06	8.967
	Jumlah	70	58.91	8.987

Berdasarkan Jadual 2, didapati skor kumpulan kawalan ($M = 59.77$, $SD = 9.06$) hampir sama dengan kumpulan rawatan ($M = 58.06$, $SD = 8.97$). Berpandukan keputusan Ujian T Tidak Bersandar, $t(68) = 0.80$, $p = 0.43$, 95% CI [-2.58, 6.01], didapati nilai signifikan lebih tinggi daripada nilai alfa 0.05, menunjukkan bukti yang tidak mencukupi untuk menolak hipotesis nol. Maka, dapat disimpulkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor

pencapaian ujian pra koordinasi menyanyi sambil bermain kompang antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

Table 2: Independent Samples Test

	F	Sig (2 tailed)	t	95% confidence of interval difference	
				Lower	Upper
Pretest Coordination Singing and Playing Kompang	0.145	0.429	0.796	-2.584	6.013

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor pencapaian ujian pra dan ujian pasca koordinasi menyanyi sambil bermain kompang dalam kumpulan kawalan.

Berdasarkan Jadual 3, didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran koordinasi menyanyi dan bermain kompang ($t=0.443$, $\text{sig}=0.660$, $p>0.05$), dalam ujian pra dan ujian pasca untuk kumpulan kawalan. Oleh kerana nilai signifikan adalah lebih tinggi daripada nilai alfa, 0.05, bukti untuk menolak hipotesis nol adalah tidak mencukupi. Maka, dapat disimpulkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor pencapaian ujian pra dan ujian pasca koordinasi menyanyi sambil bermain kompang dalam kumpulan kawalan. Berpandukan sistem gred sekolah rendah, didapati gred markah kanak-kanak dalam kumpulan kawalan tidak menunjukkan peningkatan dari ujian pra ke ujian pasca bagi ketiga-tiga ujian iaitu kekal berada pada Gred C iaitu memuaskan.

Jadual 3. Statistik Sampel Berpasangan Kumpulan Kawalan

Pemboleh ubah Bersandar	ubah	N	Min	Nilai t	df	Sig. (2-tailed)
Ujian Pra Koordinasi Menyanyi Sambil Bermain Kompang		35	59.77	0.443	34	0.660
Ujian Pasca Koordinasi Menyanyi Sambil Bermain Kompang		35	59.00			

Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor pencapaian ujian pra dan ujian pasca koordinasi menyanyi sambil bermain kompang dalam kumpulan rawatan.

Berdasarkan Jadual 4, didapati terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran permainan kompang ($t=-9.918$, $\text{sig}=0.00$, $p<0.05$), nyanyian ($t=-4.364$, $\text{sig}=0.00$, $p<0.05$), dan koordinasi ($t=-5.268$, $\text{sig}=0.00$, $p<0.05$), dalam ujian pra dan ujian pasca kumpulan rawatan. Oleh kerana nilai signifikan adalah lebih rendah daripada nilai alfa, 0.05, bukti untuk menolak hipotesis nol adalah mencukupi. Maka, dapat disimpulkan terdapat perbezaan yang signifikan skor pencapaian ujian pra dan ujian pasca koordinasi menyanyi sambil bermain kompang dalam kumpulan rawatan. Berpandukan sistem gred sekolah rendah, didapati gred markah kanak-kanak dalam kumpulan rawatan menunjukkan peningkatan dari ujian pra ke ujian pasca bagi ketiga-tiga ujian iaitu melonjak daripada Gred C ke Gred B.

Jadual 4. Statistik Sampel Berpasangan Kumpulan Rawatan

Pemboleh Bersandar	ubah	N	Min	Nilai t	df	Sig. (2- tailed)
Ujian Pra Koordinasi Menyanyi Sambil Bermain Kompang		35	58.06	-5.268	34	0.000
Ujian Pasca Koordinasi Menyanyi Sambil Bermain Kompang		35	65.23			

Ho4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor pencapaian ujian pasca antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

Berdasarkan Jadual 5, didapati skor kanak-kanak dalam kedua-kedua kumpulan kajian adalah berbeza. Didapati skor kumpulan kawalan ($M=59.00$, $SP=10.40$) berbeza dengan kumpulan rawatan ($M=65.23$, $SP=8.32$). Berdasarkan sistem gred sekolah rendah, tahap pencapaian kanak-kanak kumpulan rawatan berada pada Gred C (memuaskan) manakala kumpulan rawatan Gred B (baik).

Jadual 5. Statistik Deskriptif Skor Ujian Pasca

	Kumpulan	N	Min	Sisihan Piawai
Ujian Pasca Koordinasi Menyanyi Sambil Bermain Kompang	Kawalan	35	59.00	10.401
	Rawatan	35	65.23	8.321
	Jumlah	70	62.11	9.862

Berdasarkan Jadual 6, didapati skor kumpulan rawatan ($M = 58.06$, $SD = 8.97$) mencapai lebih tinggi daripada kumpulan kawalan ($M = 65.23$, $SD = 8.32$). Berpandukan keputusan Ujian T Tidak Bersandar, $t(68) = -2.77$, $p = 0.007$, 95% CI [-10.72, -1.74], didapati nilai signifikan adalah rendah daripada nilai alfa, bukti untuk menolak hipotesis nol adalah mencukupi. Maka, dapat disimpulkan terdapat perbezaan yang signifikan skor pencapaian ujian pasca antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan.

Table 6: Ujian Sampel Tidak Bersandar

	F	Sig tailed)	(2 t	95% confidence of interval difference	
				Lower	Upper
Pretest Coordination Singing and Playing Kompang	0.081	0.007	-2.766	-10.721	-1.736

Perbincangan

Setelah kajian selesai dilaksanakan, keputusan kajian telah membuktikan bahawa pendekatan euritmik adalah berkesan secara signifikan sebagai satu intervensi untuk meningkatkan kemahiran koordinasi menyanyi sambil bermain kompang dalam kalangan kanak-kanak. Dapatan ujian statistik menunjukkan bahawa pendekatan ini dapat mengatasi pendekatan konvensional untuk meningkatkan pencapaian kanak-kanak. Berdasarkan penemuan ini, terbukti bahawa pembelajaran aspek koordinasi muzikal adalah sesuai untuk dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan euritmik.

Lanjutan daripada keputusan kajian ini, penemuan baru ini telah memperkaya skop pendekatan Dalcroze. Kajian dan teori sebelum ini mengatakan bahawa pendekatan euritmik digunakan untuk penambahbaikan kaedah pengajaran muzik, pergerakan, permainan alat muzik, vokal, terapi muzik, dan tarian (Juntunen, 2002; Dutoit, 1993; Johnson, 1993). Melalui kajian ini, intervensi pendekatan euritmik diuji dan membuktikan bahawa ia bukan sahaja meningkatkan kemahiran muzik tetapi juga meningkatkan koordinasi dua kemahiran muzik. Pembelajaran untuk menggabungkan dua kemahiran muzik juga menjadi kepentingan dalam kajian ini. Selama ini, kemahiran muzik kebanyakannya diajar secara berasingan, tetapi melalui kajian ini kanak-kanak dapat belajar untuk mengkoordinasikan dua kemahiran muzik yang mendatangkan banyak manfaat terhadap diri mereka. Hal ini telah diakui oleh Welsh (2015) dan Sutton (2017) bahawa dengan mengkoordinasikan kemahiran muzik dapat menguatkan kemahiran muzik seseorang individu manakala Murimi (2016) menyatakan ia dapat meningkatkan fokus. Pendekatan euritmik yang digunakan sebagai mekanisme untuk melancar dan memudahkan lakuan kemahiran koordinasi muzikal. Hal ini sudah tentu sangat penting dalam perkembangan kanak-kanak yang seterusnya dapat menyokong pembelajaran mereka di sekolah.

Kaedah yang sesuai dalam pengajaran mengkoordinasikan kemahiran muzik juga dapat menjimatkan masa dan tenaga para guru. Guru yang menggunakan pendekatan konvensional mengajar kemahiran muzik secara terasing yang memerlukan masa yang lama untuk menguasai kemahiran tersebut. Contohnya, guru mengajar kemahiran nyanyian, permainan perkusi, teori dan projek kesenian yang memerlukan masa kira-kira 10 minggu bagi setiap topik yang dipelajari kanak-kanak. Apabila kemahiran nyanyian dan alat perkusi digabungkan, ia menjimatkan masa selama kira-kira 10 minggu yang memberikan ruang dan masa kepada guru muzik menumpukan kepada hal-hal lain seperti memasukkan markah kanak-kanak, merancang rancangan pelajaran dan menguruskan persembahan kanak-kanak. Dengan menggunakan aktiviti euritmik sebagai pendekatan pengajaran, guru secara tidak langsung mengukuhkan kemahiran muzik kanak-kanak dalam aspek pergerakan.

Kesimpulan

Pembelajaran muzik berdasarkan pendekatan Euritmik Dalcroze dilihat masih relevan untuk digunakan pada pembelajaran abad 21. Ia menyediakan kanak-kanak untuk menghadapi cabaran masa kini dari aspek penguasaan kemahiran pembelajaran dengan cepat dan menyeronokkan. Cabaran muzik masa kini sering berlaku di sekolah ialah kanak-kanak diperlukan untuk membuat persembahan dalam masa yang singkat. Jadi, pendekatan Euritmik Dalcroze dapat memudahkan dan mempercepat kanak-kanak untuk menguasai kemahiran muzik berbanding cara konvensional yang digunakan. Hal ini terbukti dengan pelaksanaan dalam kajian yang dilakukan ini yang mendapati kanak-kanak dapat menguasai kemahiran menyanyi sambil bermain kompang setelah 12 sesi mempelajarinya menggunakan pendekatan Euritmik Dalcroze.

Pengkaji mencadangkan agar pendekatan euritmik diberi penekanan di sekolah-sekolah rendah. Guru-guru disarankan menggunakan lebih banyak aktiviti euritmik di dalam kelas serta aktiviti kokurikulum bagi mewujudkan suasana kelas yang aktif dan menyeronokkan. Aktiviti ini boleh diiringi lagu-lagu tempatan serta penggunaan alat muzik tradisional seperti kompang, rebana, dan gendang. Hal ini secara tidak langsung dapat menguatkan apresiasi terhadap seni warisan bangsa melalui pembelajaran muzik. Pihak kementerian pendidikan pula boleh memberikan pendedahan dan latihan tentang aktiviti euritmik kepada guru-guru dengan lebih terperinci seperti mengadakan kursus dan bengkel di sekolah, institut pendidikan guru atau jabatan-jabatan pendidikan. Penyelidik percaya, melalui pengajaran muzik yang berteraskan euritmik dapat mengembangkan lagi potensi kanak dan memupuk kemenjadian insan.

Rujukan

- Agnes K.C.M. (2006). *Teaching Musical Concepts. The Standard Classroom Percussion and The Malaysian Folk Instruments*. Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Cooper, A. (2016, July 23). The 11 Most Surprising Benefits of SINGING – Even More Reasons to Start Singing Along with Your Guitar! Dilayari February 10, 2018, dari <http://guitarhippies.com/benefits-of-singing/>
- Crumpler, S. E. (1982). The Effect of Dalcroze Eurhythmics on the Melodic Musical Growth of First Grade Students. *LSU Historical Dissertations and Theses*. 3755.
- Dalcroze, E. J. (2013). *Rhythm, Music and Education*. Read Books Ltd.
- Dalcroze, E. J. (1917). *The Eurhythmics Of Jaques-Dalcroze* (Second ed.). London, Leicester: Constable & Company Ltd.
- Daley, C. (2013). Moved to Learn: Dalcroze Applications to Choral Pedagogy and Practice (*Doctoral dissertation, University of Toronto*).
- Dutoit, C. L. (1971). *Music movement therapy*. Dalcroze Society.
- Dutton, S. (2015). *Introduction to Dalcroze Pedagogy*. Ontario Music Educators Association.
- Juntunen, M. L. (2016). The Dalcroze approach: Experiencing and knowing music through the embodied exploration. *Approaches to teaching general music: Methods, Issues, and Viewpoints* (pp. 141-167). Oxford University Press.
- Johnson, M. D. (1993). Dalcroze Eurhythmics: Music for dancers. *Dance Magazine*, 67(11), 82-83.
- Juntunen, M. L. (2002). Practical applications of Dalcroze eurhythmics. *Nordic Research in Music Education Yearbook*, 6, 75-92.
- Manifold, H. L. (2008). Applying Jaques-Dalcroze's Method to Teaching Musical Instruments And its Effect on the Learning Process.
- Martha, D., Syeilendra, S., & Marzam, M. (2013). Bentuk penyajian kompang pada pesta perkawinan dalam prosesi arak-arakan masyarakat muara jangga. *Jurnal Sendratasik*, 2(1), 12-21.
- Matusky, P., & Beng, T. S. (2017). *The music of Malaysia: The classical, folk and syncretic traditions*. Routledge.
- Mead, V. H. (1994). *Dalcroze eurhythmics in today's music classroom*. Schott & Company Limited.
- Milan, N.(2015). How To Play Piano And Sing At The Same Time. Retrieved October 23 2018, from <http://singerssecret.com>.
- Murimi, E. (2016, February 25). 5 Tips To Improve Your Skill In Playing and Singing Simultaneously. Retrieved September 8, 2018, from <https://www.merriammusic.com/school-of-music/simultaneous-playing-and-singing-tips/>
- Pilc, J.M.(2012). *It's about Music: The Art and Heart of Improvisation*. Glen Lyon Books.

- Pravina, M., Mohd Azam, S., & YM Raja, A. N. (2009). *Muzik Tradisional*. Open University Malaysia.
- Ramadona, Y., Minawati, R., & Nursyirwan, N. (2017). Kompang Atraksi pada Masyarakat Bengkalis Riau. *Bercadik: Jurnal Pengkajian dan Penciptaan Seni*, 2(2).
- Rejab, F. I. (2002). Muzik Tradisional: Satu Kajian Peralatan. *Jurnal Warisan Indera Kayangan* Bil 14 – 2002.
- Roscoe, J.T.(1975). *Fundamental research statistics for the behavioral sciences*. 2nd edition. New York: Holt Rinehart & Winston.
- Roth, R. (2016, July 29). Singing While Drumming – Why You Too Should Practise It. Retrieved February 10, 2018, from <http://www.istanbulmehmet.com/singing-drumming-practise/>
- Ruseli, Y., & Minawati, R. (2017). Fenomena Musik Kompang Kecamatan Bengkalis di Era Globalisasi. *Bercadik: Jurnal Pengkajian dan Penciptaan Seni*, 1(1).
- Smith K. (2014). Demystifying Dalcroze: Part 1. ASME WA's Opus Magazine, 4th ed.
- Sutton, C. (2017). Play and Sing. Retrieved January 31, 2018, from <https://www.musical-u.com/modules/singing/play-and-sing/>
- Welsh, D. (2015, July 6). 4 Tips to Get Better at Playing and Singing Simultaneously. Retrieved February 10, 2018, from <http://blog.sonicbids.com/4-tips-to-get-better-at-playing-and-singing-simultaneously>